

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Tarikh : 28/07/2022

Edisi / Muka Surat : Nasional (21)

Tajuk : Ekspo Koperasi Malaysia Sasar Nilai Jualan RM700,000

Ekspo Koperasi Malaysia sasar nilai jualan RM700,000

SERI KEMBANGAN- Ekspo Koperasi Malaysia (EKSKOM) yang diadakan di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Mines (MIECC) di sini menyasarkan nilai jualan RM700,000 sepanjang empat hari pengaturannya.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, EKSKOM yang berlangsung bermula Khamis turut menyasarkan RM500,000 nilai jualan dan makanan menerusi Festival Makanan Asia.

"EKSKOM fokus untuk mengukuhkan peranan sektor koperasi sebagai jentera pembangunan ekonomi rakyat bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat menerusi keusahawanan koperasi sekali gus dapat

menangani cabaran peningkatan kos sara hidup," ujarnya.

Menurutnya, tumpuan utama EKSKOM adalah pelbagai program keusahawanan dan perdagangan seperti sesi pemedanan perniagaan, demonstrasi produk, *pocket talk*, latihan perniagaan dan jaringan dagangan.

"Penganjuran EKSKOM sempena Hari Koperasi Negara ini menghimpunkan koperasi daripada pelbagai sektor utama ekonomi negara; antaranya pemborongan, peruncitan, kewangan, inovasi dan teknologi, pertanian, pelancongan, industri bahan binaan dan sebagainya," jelasnya.

Abdul Fattah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kecil EKSKOM berkata, pelbagai program menarik dan mesra

rakyat turut diatur seperti jualan harga patut yang menawarkan barangan keperluan, pameran produk dan perkhidmatan, persembahan budaya, ceramah agama serta peluang pekerjaan menerusi program Jom Cari Kerja.

"Pada ekspo ini kita tawarkan jualan barangan keperluan antaranya minyak masak polibeg dan gula pada harga RM2 setiap kilogram.

"Harga barangan yang dijual adalah lebih rendah daripada pasaran dan ia menjadi lebih rendah semasa jualan *happy hour*," katanya pada sidang akhbar di sini pada Rabu.

Ujarnya, selain jualan dan pameran barangan, EKSKOM turut menyediakan perkhidmatan menerusi agensi-agensi kerajaan seperti pembayaran saman Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) antara yang turut menawarkan perkhidmatan mereka di ekspo ini," tambahnya.

Abdul Fattah turut memaklumkan, EKSKOM menawarkan tiga buah motosikal sebagai cabutan utama untuk pengunjung bertuah.

FOTO: FB TG GREEN TECH INDUSTRY SDN BHD

EKSPLO KOPERASI MALAYSIA 2022
PAMERAN DAN JUALAN HARI KOPERASI NEGARA 2022
28-31
Julai 2022
10 pagi - 10 malam
THE MINES INTERNATIONAL EXHIBITION & CONVENTION CENTRE (MIECC)
Jom! Dijemput hadir dan memeriahkan
www.tggti.com | +603-2319186 | +603-60389786

Ekspo Koperasi Malaysia (EKSKOM) menghimpunkan koperasi daripada pelbagai sektor utama ekonomi negara.

"Banyak hadiah lain yang turut disediakan; antaranya barangan elektrik, basikal, bau-car penginapan, telefon bimbit dan hamper.

"Datang beramai-ramai kerana pelbagai program, jualan dan perkhidmatan menarik yang kami sediakan untuk pengunjung," katanya.

“

Harga barangan yang dijual adalah lebih rendah daripada pasaran dan ia menjadi lebih rendah semasa jualan *'happy hour'*."

- Abdul Fattah

